

Bersih penapis air dengan lebih kerap

Elak biak bakteria

Kosmo 05/05/2010 M/S 13

Oleh AHMAD SYAKIR SAZILI

ahmadsyagir.sazili@kosmo.com.my

TRONOH – Bersihkan penapis air sekerap mungkin untuk elak pembiakan bakteria.

Itu nasihat penerima anugerah Merdeka 2009, Prof. Datuk Dr. Zaini Ujang kepada mereka yang menggunakan penapis air sebagai sumber minuman.

Menurut beliau yang juga Naib Canselor Universiti Teknologi Malaysia (UTM), terdapat kes penapis menjadi pembiak bakteria sedangkan ia tidak sepatutnya berlaku.

“Penapis-penapis air akan menyahkan kandungan klorin, tetapi apabila ia (penapis) kotor, bakteria mula membiak.

“Kegagalan pemiliknya membersihkan penapis dalam jangka masa tertentu mengakibatkan ia tidak membantu meningkat tahap kesihatan, sebaliknya memudaratkan diri pengguna sendiri,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan syarahan perdana bertajuk ‘Penambahan Nilai Dalam Mengekalkan Sumber Air’ di Dewan Canselor, Universiti Teknologi Petronas (UTP) di sini semalam.

Turut hadir Rektor UTP, Datuk Dr. Zainal Abidin Kassim dan Pengarah Eksekutif Sekretariat Anugerah



PENAPIS air boleh memudaratkan kesihatan jika tidak dibersihkan selalu. – Gambar hiasan

Merdeka, Datuk Khalid Mohd.

Ujar beliau, perubahan warna seperti kekeruhan pada air yang keluar daripada paip tidak boleh dikategorikan sebagai tercemar.

Sebaliknya, menurut beliau yang juga pakar pengurusan bekalan air, saluran dan pemuliharaan sungai, ia ditakrifkan komponen estatika yang tidak memudaratkan.

Dalam pada itu, Zaini turut meminta orang ramai supaya memeriksa tahap kebersihan tangki air rumah masing-masing sebelum mengambil keputusan menggunakan penapis air.

Ini, kata beliau, bagi membolehkan pengguna berjimat.

Kata beliau, penyelenggaraan tangki air yang sempurna lebih menguntungkan kerana air paip yang dibekalkan di negara ini masih selamat untuk diminum.

“Penapis air di pasaran ketika ini direka khusus bagi membolehkan pengguna minum terus daripada paip, meskipun sebahagian besar lebih selesa meminum air yang dimasak.

“Ia tidak menjadi masalah, tetapi lebih baik jika kebersihan tangki air diambil kira kerana ia hanya perlu ditukar sekali dalam tempoh 10 tahun,” katanya.